

Fasa pertama bernilai RM200 juta bagi kampus universiti itu akan dibangunkan atas tapak seluas 413 hektar dan dijangka siap 1998.

Dr. Mahathir berkata para pemimpin universiti dalam bidang akademik dan pengurusan perlu berani menangani perubahan sikap dan strategi dalam mencari sumber kewangan untuk membiayai program atau projek yang boleh membawa pulangan yang menguntungkan kepada universiti dan negara.

"Sudah tiba masanya universiti meningkatkan kerjasama dengan sektor korporat untuk mencari dana bagi menampung keperluan membiayai penyelidikannya," katanya.

Sambil menyeru supaya usahasama pihak swasta dengan universiti ditingkatkan, beliau berkata satu daripada tujuan kerajaan mengkorporatkan universiti ialah memberi laluan kepada institusi penganjiran tinggi mengatasi masalah kewangan untuk penyelidikan dan program pengkajian masing-masing.

Mengenai kaedah pengajaran, beliau berkata seluruh kakitangan akademik perlu menilai kembali kaedah dan cara-cara pengajaran dan pembelajaran di universiti bagi menangani dan mengatasi segera masalah keciciran pelajar bumiputera dalam bidang sains dan matematik.

Kedudukan pelajar bumiputera yang ketinggalan dalam bidang pengajian Bahasa Inggeris, sains dan matematik akan menyukarkan mereka untuk bersaing dengan orang lain yang sudah jauh lebih maju, katanya.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020 tidak akan bererti jika pencapaian bumiputera di bidang profesional seperti kejuruteraan, perubatan, perakaunan, pengurusan dan komunikasi tidak setara dengan pencapaian kaum-kaum lain di negara ini.

Beliau menyarankan



TAKLIMAT...Datuk Seri Dr. Mahathir sedang mendengar taklimat mengenai kampus tetap UMS daripada Naib Canselor Prof Datuk Abu Hassan Othman kelmarin.

Kelihatan di sebelah kiri ialah Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said.

Universiti perlu berani terokai bidang baru - PM

KOTA KINABALU, Selasa - Universiti-universiti di negara ini perlu berani menerokai bidang baru dengan mengambil kira keperluan negara seperti bidang pengurusan, perindustrian dan teknologi, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Kursus-kursus yang berasaskan sains dan teknologi seperti kejuruteraan automobil, kejuruteraan angkasa lepas dan teknologi pembinaan kapal yang boleh mengukuhkan lagi kemampuan daya saing Malaysia dengan negara-negara maju, perlu diterokai oleh pihak universiti, kata Perdana Menteri.

Ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah kampus tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Teluk Likas, dekat sini, beliau berkata untuk melahirkan siswazah yang terpelajar dan berkualiti, universiti-universiti di negara ini mestilah sanggup membuat perubahan.

"Perubahan ini bukan sahaja perlu dilihat daripada sudut perubahan struktur dan bentuknya sebagai institusi penganjiran tinggi tetapi juga daripada segi kurikulum dan pengajaran ilmu yang relevan bagi menghadapi cabaran abad ke-21," katanya.

supaya cara penyampaian ilmu kepada pelajar bumiputera di seuaikan dengan sifat-sifat yang ada pada mereka. Kaedah lama mungkin tidak sesuai dan cara baru seperti penggunaan komputer dan animasi perlu dikaji dan diterokai.

Bagi kaum bumiputera di Sabah, UMS merupakan tonggak harapan dan lambang aspirasi rakyat mendapatkan bimbingan dan dokongan bagi pembangunan negeri ini, kata beliau.

Dr. Mahathir menyarankan UMS menempa kecemerlangan dalam penyelidikan yang tulen sifatnya seperti proses integrasi kaum bumiputera dengan bukan bumiputera dan di kalangan suku-suku kaum bumiputera sendiri.

"Proses integrasi etnik yang berlaku di Sabah ini amat unik dan kajian mengenainya boleh membantu Kerajaan dalam usaha membina suatu bangsa Malaysia yang mempunyai pengalaman sejarah bersama, nilai-nilai yang dikongsi bersama, perasaan kekitaan dan pemilikan jatidiri yang sama dan mengatasi ikatan-ikatan ektik tanpa menggugat

identiti suku kaumnya sendiri," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020 tidak akan bererti jika pencapaian bumiputera di bidang profesional seperti kejuruteraan, perubatan, perakaunan, pengurusan dan komunikasi tidak setara dengan pencapaian kaum-kaum lain di negara ini.

Beliau menyarankan supaya cara penyampaian ilmu kepada pelajar bumiputera di seuaikan dengan sifat-sifat yang ada pada mereka. Kaedah lama mungkin tidak sesuai dan cara baru seperti penggunaan komputer dan animasi perlu dikaji dan diterokai.

Bagi kaum bumiputera di Sabah, UMS merupakan tonggak harapan dan lambang aspirasi rakyat mendapatkan bimbingan dan dokongan bagi pembangunan negeri ini, kata beliau.

Dr. Mahathir menyarankan UMS menempa kecemerlangan dalam penyelidikan yang tulen sifatnya seperti proses integrasi kaum bumiputera dengan bukan bumiputera dan di kalangan suku-suku kaum bumiputera sendiri. - Bernama